

04 APR 1997

Abdullah-Rahsia

NEGARA LUAR MULA CUNGKIL RAHSIA KEJAYAAN MALAYSIA

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Negara-negara luar termasuk negara Islam sedang memberi tumpuan khusus untuk mengetahui rahsia di sebalik kejayaan Malaysia kini dalam pelbagai bidang, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya ramai pegawai tinggi negara luar telah datang ke Malaysia melalui Rancangan Kerjasama Teknikal untuk mengetahui secara lebih dekat rahsia kejayaan negara ini.

"Negara-negara luar beranggapan bahawa rancangan-rancangan yang dianjurkan Malaysia untuk membantu umat Islam, merupakan rancangan terbaik yang harus dicontohi," katanya kepada pemberita sebelum menyertai Forum Perdana Ehwat Semasa di sini, malam tadi.

Forum berkenaan membincangkan pemberian Anugerah Raja Faisal oleh kerajaan Arab Saudi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota panel lain ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa.

Abdullah berkata negara-negara luar ingin mempelajari bagaimana orang Islam di Malaysia berjaya memimpin negara ini dengan jayanya walaupun jumlah mereka yang bukan Islam agak ramai.

Katanya pembangunan Islam yang semakin menonjol dengan umatnya sedang menikmati kualiti hidup yang lebih baik adalah kerana kejayaan kepimpinan yang ada.

"Kita telah dapat membuktikan kepada sesiapa jua bahawa Islam di Malaysia adalah agama yang boleh menjadi petunjuk arah dan inspirasi kepada rakyat untuk mencapai kejayaan," katanya.

Mustapa dalam forum itu berkata terdapat tiga faktor utama yang membantu kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang kini. Yang pertama dasar terbaik-baik dengan semua orang elah menjadikan Malaysia disegani negara luar.

Kedua, sikap membuat kerja yang bersungguh-sungguh dan tidak meninggalkan tanggungjawab untuk beribadat manakala yang ketiga, menganggap kejayaan dalam pelbagai bidang adalah dakwah yang paling berkesan. --

BERNAMA

BD RON